



## PEMAKLUMAN

29 JANUARI 2026

---

### YURAN KOMITMEN BAGI PROGRAM ANJURAN MBOT AKAN DIGUNAKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN YURAN PEMBAHARUAN TAHUNAN

---

MBOT sentiasa melaksanakan pelbagai program dan aktiviti pembangunan kapasiti seperti seminar, latihan dan lawatan teknikal secara percuma. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada para ahli untuk menambah pengetahuan dan kemahiran serta membina jaringan profesional dalam kalangan ahli.

Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod kehadiran program bagi tahun 2024 dan 2025, hanya sekitar 50 peratus daripada peserta yang berdaftar hadir bagi setiap program. Ini telah menjejaskan peluang ahli-ahli MBOT yang benar-benar berminat untuk hadir. Selain itu, MBOT perlu memperuntukkan sumber seperti makan minum dan persediaan kepada para peserta.

Sehubungan itu, bermula pada tahun 2026, MBOT akan memperkenalkan yuran komitmen sebanyak RM30 bagi setiap program sebagai langkah memastikan kehadiran ahli yang telah berdaftar. **Yuran ini akan dikumpulkan (*accumulated*) dan seterusnya digunakan sebagai sebahagian daripada yuran pembaharuan pada tahun semasa atau pembaharuan tahun berikutnya.** Sebagai contoh, sekiranya seorang Teknologis Profesional (Ts.) telah membayar sebanyak RM30 dan hadir program yang dianjurkan pada tahun 2026, beliau hanya perlu membayar baki yuran pembaharuan keahlian sebanyak RM170 bagi tahun berkenaan.

MBOT sentiasa menggalakkan semua ahli untuk sentiasa aktif menyertai program-program pembangunan profesional dan pembelajaran berterusan.

-TAMAT-

---

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) ialah sebuah badan profesional yang ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)  
t.nabila@mbot.org.my  
+603-8861 9067